

# Mahathir sangkal berita Musa letak jawatan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menangkis soalan mengenai khabar-khabar angin kononnya Datuk Musa Hitam telah meletakkan jawatan Timba-

lan Perdana Menteri dengan mengajukan pertanyaan itu kepada Datuk Musa sendiri.

Dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di sini, Perdana Menteri diminta oleh seorang pemberita supaya mengulas khabar-khabar angin bahawa Datuk Musa telah mengemukakan surat perletakan jawatan.

Beliau segera berpaling kepada Datuk Musa yang duduk di sebelahnya dan bertanya: "Sudahkah anda?"

Datuk Musa menjawab: "Saya masih di sisi anda."

Datuk Seri Dr Mahathir menyelar orang yang mencipta cerita dan menyebarkan khabar-khabar angin kerana tidak mempunyai kerja lain selain menabur fitnah.

"Ada khabar angin mengatakan saya dan Datuk Musa tidak bertegur dan Datuk Musa dan Tengku Razaleigh sedang berusaha menjatuhkan saya," katanya.